

Bahagian A
[20 markah]

1. " _____ mestilah bermati – matian menuntut kemerdekaan daripada orang British," kata – kata semangat daripada Encik Ramle kepada rakan-rakannya.

A. Kita
B. Mereka
C. Dia
D. Engkau
2. Cikgu Fatimah meminta murid berkongsi maklumat tentang cita – cita mereka _____ dewasa nanti.

A. supaya
B. apabila
C. sekira
D. ketika
3. Encik Aiman berharap _____ anaknya dapat belajar _____ ke universiti.

A. supaya ..lalu
B. jika..sambil
C. agar ..hingga
D. hingga ..supaya
4. Bau tandas yang _____ itu, menyebabkan orang ramai tidak mahu menggunakannya..

A. hancing
B. busuk
C. hanyir
D. hapak
5. Beberapa _____ rumah terbakar semalam akibat litar pintas di kawasan setinggan.


A. buah
B. butir
C. deret
D. papan

6. _____ orang menyaksikan perarakan Hari Kemerdekaan ke-61 di Putrajaya pada tahun ini.
- A. Belasan
 - B. Puluh-puluh
 - C. Beberapa
 - D. Ribuan
7. "_____lah masuk," jemput Mak Siti kepada Encik Ahmad sekelurga ke rumahnya.
- A. Tolong
 - B. Sila
 - C. Harap
 - D. Minta
8. Wafiq tetap pergi ke sekolah _____ kasutnya basah ditimpa hujan semalam.
- A. malahan
 - B. bahawa
 - C. walaupun
 - D. sedang
9. Peragut itu berjaya diberkas oleh orang ramai selepas dia meragut seorang warga emas.
Pilih **perkataan antonim** bagi perkataan diberkas.
- A. dibebaskan
 - B. dikurung
 - C. ditangkap
 - D. dicekup
10. Pelari – pelari itu keletihan sebaik sahaja menamatkan larian mereka sejauh 25 kilometer.
Pilih **perkataan sinonim** bagi perkataan keletihan.
- A. kekurangan
 - B. keculasan
 - C. kepayahan
 - D. kelesuan

11. Seorang _____ telah membina sebuah rumah kebajikan untuk anak – anak yatim.

- A. hartawan
- B. wartawan
- C. sukarelawan
- D. sasterawan

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Aiman dan Ainin melawat ke Zoo Negara _____ cuti sekolah yang lalu bersama ibu bapanya.

- A. di
- B. kepada
- C. pada
- D. bila

13. Cikgu Safwan menyuruh _____ pengakap berkumpul di dewan sebelum memulakan aktiviti.

- A. ahli-ahli
- B. peserta-peserta
- C. pemain-pemain
- D. anggota-anggota

14. Beberapa _____ cendawan tumbuh selepas hujan petang semalam.

- A. pucuk
- B. batang
- C. buah
- D. kaki

15. Pilih ayat – ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I. Murid yang melanggar disiplin akan dikenakan tindakan ketat oleh pihak sekolah.
- II. Encik Rashid memarahi anak gadisnya kerana memakai pakaian ketat.
- III. Perpustakaan itu menyusun buku dengan ketat di atas rak – rak buku.
- IV. Kawalan ketat telah diadakan semasa lawatan Perdana Menteri ke China.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I, II dan IV

16. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Pak Leman menerima tempahan sebuah perahu daripada seorang pembeli dari Amerika Syarikat.

- A. Amerika Syarikat telah menampahkan sebuah perahu oleh seorang pembeli daripada Pak Leman.
- B. Sebuah perahu telah ditempah oleh Pak Leman untuk seorang pembeli dari Amerika Syarikat.
- C. Amerika Syarikat telah menampahkan Pak Leman untuk sebuah perahu dari seorang pembeli.
- D. Seorang pembeli dari Amerika Syarikat telah menempah sebuah perahu daripada Pak Leman.

Soalan 17 hingga 20.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan – soalan yang berikutnya.

Bank Negara Malaysia bertanggungjawab memperkenalkan duit syiling dan wang kertas Malaysia baharu. Wang kertas Malaysia mempunyai ciri keselamatan sama seperti wang kertas negara-negara lain. Ciri keselamatan pada wang kertas amat penting bagi menentukan wang tersebut sah digunakan.

Wang kertas RM1.00 berwarna biru. Wang tersebut mempunyai ciri keselamatan pada muka depan dan belakang. Wang ini dihasilkan daripada bahan yang bermutu tinggi. Apabila disentuh, wang ini terasa licin dan apabila diramas, wang tersebut tidak mudah renyuk.

Pada muka hadapan wang kertas RM1.00 terdapat gambar wajah Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, iaitu Yang di-Pertuan Agong pertama dan bunga kebangsaan, iaitu bunga raya. Ciri keselamatan pada wang kertas RM1.00 ini ialah cetakan timbul pada tengkolok. Kita hanya dapat merasakan kesan kesat tersebut apabila menyentuhnya.

Ciri keselamatan yang lain ialah tandatangan Gabenor Bank Negara Malaysia. Pada sebelah kiri pula, terdapat tingkat lut sinar dan di tengahnya tercetak angka 1. Pada sudut atas sebelah kiri pula terdapat gambar bulan dan bintang yang tidak lut sinar.

Pada muka belakang wang kertas RM1.00 terdapat gambar wau bulan dan suasana orang bermain wau bulan.

Ciri keselamatan pada muka belakang wang RM1.00 hanya dapat dilihat apabila wang tersebut diletakkan dibawah cahaya ultraungu. Antara ciri keselamatan tersebut ialah tulisan yang sangat halus.

Selain itu, imej wau bulan dan angka 1 akan menyinarkan warna merah dan kuning pada permukaannya. Pada sudut kiri pula terdapat logo Bank Negara Malaysia dan singkatan BNM1 di dalam petak segi empat bujur.

17. Apakah tujuan ciri keselamatan pada wang kertas diperkenalkan?

- A. Supaya kita dapat membeli di mana-mana.
- B. Dapat menentu nilai wang kertas tersebut.
- C. Menentukan wang kertas tersebut sah digunakan.
- D. Membezakan wang kertas antara negara.

18. Bagaimanakah ciri keselamatan wang kertas RM1.00 ?

- A. Warnanya tidak mudah luntur walaupun terkena air.
- B. Tidak mudah renyuk apabila diramas.
- C. Mudah dibawa ke mana-mana
- D. Saiznya mudah disimpan di dalam poket.

19. Mengapakah terdapat gambar wau bulan dan suasana orang bermain wau bulan pada wang kertas RM1?

- A. Permainan wau hanya terdapat di Malaysia sahaja.
- B. Orang Malaysia suka bermain wau.
- C. Wau bulan ialah permainan tradisional rakyat Malaysia.
- D. Wau bulan adalah antara wau yang tercantik di Malaysia.

20. Pada pendapat anda, mengapakah terdapat gambar Yang di-Pertuan Agong pertama dan bunga raya pada wang kertas di Malaysia?

- A. Gambar Yang di-Pertuan Agong kakak dan bunga raya cantik.
- B. Menandakan wang tersebut ialah wang negara Malaysia.
- C. Sebagai lambang pahlawan Malaysia.
- D. Orang yang pertama mencipta wang di Malaysia.

Bahagian B
[30 markah]

Soalan 21

(a) Tandakan (/) bagi ayat yang menggunakan kata perintah yang betul.

- (i) " _____ lah cikgu risau. Saya pasti semua anggota pengakap akan hadir petang ini," kata Haikal.

Sila ☐ Usah ☐ Tolong ☐

- (ii) " _____ berjumpa dengan Pengetua Rumah Seri Asuhan pada pagi esok," kata kerani itu kepada Puan Azura.

Minta ☐ Tolong ☐ Sila ☐

[2 markah]

(b) Padankan kata hubung gabungan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjuk sebagai contoh.

(i) Saya akan pergi ke rumah Amirah esok _____ lusa.

(ii) Amirol membeli ayam goreng _____ keropok di pasar minggu.

(iii) Shafiq membasuh tangan _____ menjamah makanan yang disediakan.

(iv) Salina berjalan _____ memimpin tangan adiknya.

dan

sambil

atau

lalu

[2 markah]

(c) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Puan Nurul (bersentuhan , bersalaman , berbicara) dengan tetamu yang datang ke rumahnya sebelum mereka pulang.
- (ii) Mereka (melapah, menyang, menghiris) kerbau itu selepas menyembelihnya.
[2markah]

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petak di bawah.

agar	bahawa	manakala	supaya
apabila	walaupun	selagi	sehingga
sejak	ketika	telah	sementara

Rakan Hafiz, Kumar, telah mengalami masalah pendengaran _____ dilahirkan. Oleh sebab itu, dia sentiasa menghadapi masalah dalam pembelajaran. _____ dia mempunyai masalah pendengaran, dia tetap bersemangat untuk belajar. Atas nasihat doktor, ibu Kumar bersetuju menggunakan kaedah implan koklea untuk anak mereka.

Setelah melalui pembedahan koklea implan, Kumar mulai dapat bertutur dengan baik. Lantaran itu, dia sudah mampu bersaing dengan orang lain dalam pelajaran, hingga memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Hafiz amat kagum dengan penemuan sains ini. Dia terus mencari maklumat tentang kaedah koklea implan ini. Kaedah pembedahan ini _____ dijalankan oleh sekumpulan doktor yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Lokman bin Saim. Pasukan perubatan ini telah berjaya membantu ramai pesakit yang cacat pendengaran _____ dapat mendengar dan bercakap seperti sediakala. Penemuan seumpama ini dapat memberikan dorongan kepada Hafiz untuk menjadi seorang doktor. Hafiz berharap agar cita-citanya itu akan tercapai.

Menurut Profesor Dato' Dr. Lokman, semasa pembedahan elektrod penerima dan magnet perangkai akan ditanam di belakang telinga _____ peranti di bahagian luar pula bertindak sebagai alat pemprosesan pertuturan. Beliau berpendapat masalah pendengaran kanak-kanak dapat diatasi dengan penggunaan alat ini jika mendapat rawatan awal.

[5 markah]

Soalan 23

Baca maklumat di bawah dengan teliti , kemudian jawab soalan – soalan yang berikut dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Pertandingan Bina Model Rumah Mesra Alam

Tarikh : 7 hingga 28 Ogos 2014
Tempoh : 3 minggu
Bilangan peserta : 4 atau 5 orang bagi setiap kumpulan
Nama model rumah : Berunsurkan flora dan fauna
Bahan model : Bahan terbuang, pasir atau bahan kitar semula seperti kotak, tin, botol plastik, perca kain, ranting atau majalah lama.

Tujuan Projek :

1. Memupuk sikap mencintai alam sekitar.
2. Membentuk sikap kerjasama dan semangat kekitaan.
3. Membina daya kreativiti

Hadiah :

Tempat pertama : Sijil Tahap Emas
Tempat kedua : Sijil Tahap Perak
Tempat ketiga : Sijil Tahap Gangsa

(a) Nyatakan tempoh membina model rumah mesra alam.

[1markah]